

**SOALAN LAZIM**  
**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2020**  
**BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2020**

**A. PENJAWAT AWAM**

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
<b>Pelaksanaan</b>		
1.	Bagaimanakah Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 dilaksanakan?	<p>Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 56<sup>1</sup> dan ke bawah dengan syarat bahawa pegawai masih berkhidmat pada 23 April 2020.</p> <p>Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang memilih skim pencen dan penerima pencen terbitan.</p> <p>Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 turut dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 23 April 2020 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.</p>
<b>Pegawai Bercuti Separuh gaji/ Tanpa Gaji</b>		
2.	Adakah pegawai yang bercuti separuh gaji/tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Layak.
<b>Pegawai Peminjaman</b>		
3.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke Gred Utama/Khas layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Tidak layak. Pegawai tidak layak Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 kerana pegawai telah menikmati elaun dan kemudahan atas Gred Jawatan Utama/Khas sama seperti pegawai memangku.

<sup>1</sup> Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Jawatan Utama/Khas.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
<b>Pegawai <i>Contract of Service</i></b>		
4.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 sekiranya beliau berkhidmat mulai 14 April 2019 hingga 13 April 2020 dan tidak lagi berkhidmat selepas tarikh tamat kontrak tersebut?	Tidak layak. Pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 23 April 2020 (tarikh pembayaran).
5.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> yang dilantik pada 1 April 2020 hingga 31 Mac 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Layak. Pegawai layak pemberian Bantuan Khas Kewangan 2020 dengan syarat masih berada dalam perkhidmatan pada 23 April 2020 (tarikh pembayaran).
<b>Pekerja Sambilan Harian (PSH)</b>		
6.	Adakah seorang Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang kontraknya 1 Februari 2020 hingga 30 April 2020 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Layak. Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 ini juga dipanjangkan kepada PSH tertakluk kepada syarat tempoh kontraknya yang sedang berkuat kuasa adalah sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am serta masih berkhidmat pada tarikh 23 April 2020 (tarikh pembayaran) tersebut.  Tempoh Bekerja Dari Rumah semasa Perintah Kawalan Pergerakan berdasarkan Surat Edaran JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6(2) boleh diambil kira dalam pengiraan 30 hari berturut-turut.
7.	Adakah PSH yang telah berkhidmat pada 1 Januari 2020 hingga 31 Mac 2020 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Tidak layak. Pegawai tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 23 April 2020.
8.	Adakah PSH yang telah dilantik pada 1 November 2019 dan tamat tempoh perkhidmatan selama 3 bulan pada 31 Januari 2020, kemudiannya dilantik semula pada	Layak. Kontrak pegawai yang sedang berkuat kuasa (bermula 2 Mac 2020) memenuhi syarat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut seperti yang ditetapkan oleh perenggan 7, Pekeliling Perkhidmatan

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
	2 Mac 2020 untuk tempoh 3 bulan lagi layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	<p>Bilangan 2 Tahun 2020 dengan syarat pegawai masih berada dalam perkhidmatan pada 23 April 2020.</p> <p>Tempoh Bekerja Dari Rumah semasa Perintah Kawalan Pergerakan berdasarkan Surat Edaran JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6(2) boleh diambil kira dalam pengiraan 30 hari berturut-turut.</p>
9.	Adakah PSH yang telah dilantik pada 13 Januari 2020 dan tamat tempoh perkhidmatan selama 3 bulan pada 12 April 2020, kemudiannya dilantik semula pada 13 April 2020 untuk tempoh 3 bulan lagi layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	<p>Layak. Tempoh perkhidmatan kontrak terdahulu boleh diambil kira bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut kerana tidak ada jurang (gap) di antara kontrak terdahulu dengan kontrak baharu.</p> <p>Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan kontrak yang tempoh jurang (gap) atas sebab Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut.</p>
10.	Seorang PSH telah dilantik pada 2 Januari 2020 dan tamat tempoh perkhidmatan selama 3 bulan pada 31 Mac 2020. Beliau kemudiannya dilantik semula pada 2 April 2020 untuk tempoh 3 bulan. Terdapat 1 hari jurang (gap) antara kontrak lama dan kontrak baharu kerana urusan pentadbiran jabatan bagi pelantikan semula PSH tersebut. Adakah PSH tersebut layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	<p>Layak. Tempoh perkhidmatan kontrak terdahulu boleh diambil kira bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut kerana jurang (gap) tersebut adalah munasabah iaitu untuk urusan pentadbiran pelantikan semula PSH tersebut di agensi yang sama.</p> <p>Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan tempoh jurang (gap) yang munasabah bagi urusan pentadbiran pelantikan semula PSH terhadap kepada 1 atau 2 hari bekerja sahaja. Kontrak yang mempunyai tempoh jurang yang melebihi 2 hari tidak boleh diambil kira bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut.</p>

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
11.	Adakah PSH yang telah dilantik pada 6 Januari 2020 dan tamat tempoh perkhidmatan selama 3 bulan pada 5 April 2020, kemudiannya dilantik semula pada 16 April 2020 untuk tempoh 3 bulan lagi layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	<p>Tidak layak. Pegawai tidak layak Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 kerana kontraknya yang sedang berkuat kuasa (kontrak mulai 16 April 2020) tidak memenuhi tempoh 30 hari berturut-turut seperti yang ditetapkan oleh perenggan 7, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2020.</p> <p>Tempoh kontraknya yang terdahulu tidak boleh diambil bagi pengiraan 30 hari berturut-turut kerana jurang (gap) kontrak lama dan kontrak baharu melebihi tempoh munasabah yang ditetapkan (2 hari tempoh munasabah urusan pentadbiran pelantikan semula PSH).</p>
<b>Pelantikan Dalam Perkhidmatan</b>		
12.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Layak. Walaupun melibatkan dua (2) skim perkhidmatan yang berbeza, pegawai layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 dan akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai itu berkhidmat.
<b>Hukuman Tatatertib</b>		
13.	Adakah pegawai yang dijatuhkan hukuman amaran pada 8 Mac 2020 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kementerian/ Jabatan layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Tidak layak. Pegawai tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 kerana hukuman amaran adalah turut merupakan salah satu daripada jenis hukuman tatatertib mengikut Perkara 38, P.U.(A) 395 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
14.	Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib pada November 2019 dan pelaksanaan hukumannya berlanjutan melangkaui tempoh 1 Januari 2020 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Layak. Pegawai layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 kerana hukuman tatatertib berkenaan telah dijatuhkan pada tahun 2019 dan bukannya tahun 2020 walaupun pelaksanaannya melangkaui ke tahun 2020.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
<b>Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan</b>		
15.	Adakah pegawai yang meninggal dunia pada 23 April 2020 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Layak. Pegawai layak menerima Bantuan Khas Kewangan 2020 sebanyak RM500 dan akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.
<b>Pengkorporatan/ Penswastaan dan Pengasingan</b>		
16.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Layak dan akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai (agensi peminjam).
<b>Meletak Jawatan/ Berhenti/ Ditamatkan Perkhidmatan</b>		
17.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Tidak layak. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020 tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan.

## B. PESARA KERAJAAN

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
<b>Pesara</b>		
18.	Siapakah pesara/penerima pencen yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	<p>Pesara Kerajaan yang memilih skim pencen dan penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen/ Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 pada atau sebelum 23 April 2020 bagi semua gred di dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Perkhidmatan Awam Persekutuan (termasuk Polis Diraja Malaysia) dan Negeri;</li> <li>ii) Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan;</li> <li>iii) Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia; dan</li> <li>iv) Penerima pencen yang layak adalah penerima pencen perkhidmatan, pencen hilang upaya, pencen terbitan dan pencen tanggungan, pencen orang tanggungan, elaun tanggungan, elaun bersara dan elaun bersara terbitan sehingga 23 April 2020.</li> </ul>
19.	Adakah pesara/penerima pencen yang tidak bermastautin di Malaysia layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Layak. Pesara/penerima pencen yang tidak bermastautin di Malaysia layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020.
20.	Siapakah pesara/ penerima pencen yang tidak layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	<p>Pesara/penerima pencen yang tidak layak adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Perkhidmatan sebagai Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran;</li> </ul>

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
		ii) Perkhidmatan sebagai Setiausaha Politik; iii) Perkhidmatan sebagai Hakim; iv) Penerima pencen Skim Pencen Balu dan Anak Yatim (Semenanjung, Sabah dan Sarawak); v) Penerima bayaran Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah 1PP:WP6.3- Pengurusan Wang Awam; vi) Pegawai yang tarikh persaraannya pada 24 April 2020 dan selepasnya; dan vii) Penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen/Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 kerana kematian pegawai dalam perkhidmatan pada 24 April 2020 dan selepasnya.
21.	Adakah pesara yang bersara secara pilihan atau atas dasar penswastaan atau pengkorporatan layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Layak. Pesara yang bersara secara pilihan atau atas dasar penswastaan atau pengkorporatan yang memenuhi syarat-syarat umur yang berkenaan bersara pada atau sebelum 23 April 2020 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020.
22.	Adakah pegawai yang bersara atau meninggal dunia sebelum 23 April 2020 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Layak. Pegawai yang bersara atau meninggal dunia sebelum 23 April 2020 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 sebanyak RM500.00.
23.	Adakah pegawai yang bersara atau meninggal dunia pada 23 April 2020 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Layak. Pegawai yang bersara atau meninggal dunia pada 23 April 2020 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 sebanyak RM500.00.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
		<p>Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM500.00 akan dibuat oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.</p> <p>Manakala bagi pegawai Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia, pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 sebanyak RM500.00 akan dibuat oleh Jabatan Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT).</p>
24.	Adakah pesara yang dilantik semula secara <i>Contract of Service</i> dan masih berkhidmat pada 23 April 2020 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Layak. Pesara yang dilantik semula secara <i>Contract of Service</i> dan masih berkhidmat pada 23 April 2020 layak dibayar BKK sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.
25.	Sekiranya pesara mempunyai rekod di JPA dan JHEV, Jabatan manakah yang akan membuat bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 kepada pesara tersebut?	Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 hanya dibayar sekali sahaja oleh JPA sekiranya pesara mempunyai rekod di JPA dan JHEV.
26.	Bagaimanakah kaedah pecahan bayaran kepada penerima pencen yang melebihi seorang?	Penerima pencen terbitan dan penerima pencen tanggungan di bawah undang-undang pencen akan dibayar berasaskan pembahagian sama rata mengikut akaun penerima pencen.
27.	Adakah penerima pencen terbitan layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Layak. Penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen / Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 sehingga 23 April



BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
		2020 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020.
28.	Adakah pesara skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang bersara pada atau sebelum 23 April 2020 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Tidak layak. Hanya pesara Kerajaan yang memilih skim pencen serta penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen pada atau sebelum 23 April 2020 layak Bantuan Khas Kewangan 2020.

Nota:

Pegawai yang tidak layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 boleh menyemak kelayakan bagi Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang lain melalui saluran yang telah ditetapkan.